

**GARIS PANDUAN DASAR PUSINGAN KERJA  
WARGA BIRO PENGADUAN AWAM (BPA)  
JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai dasar dan pelaksanaan pusingan kerja Warga Biro Pengaduan Awam (BPA), Jabatan Perdana Menteri.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Dasar pusingan kerja di BPA mengguna pakai kaedah seperti mana dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004 – Panduan Pertukaran Pegawai Awam sebagai asas dalam melaksanakan pusingan kerja (*job rotation*) terhadap semua warganya.
- 2.2 BPA juga telah menguna pakai dasar pusingan kerja ini semasa melaksanakan pusingan kerja yang melibatkan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 pada tahun 2013. (Keputusan Mesyuarat Mingguan Bil 3/2013 pada 18 Januari 2013 adalah dirujuk).
- 2.3 Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia Bil 3/2014 yang diadakan pada 5 Mei 2014 telah bersetuju supaya Dasar Pusingan Kerja Warga BPA mengguna pakai kaedah-kaedah seperti mana yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004 – Panduan Pertukaran Pegawai Awam

**3. DASAR PERTUKARAN**

- 3.1 Menukarkan pegawai yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya **3 tahun tetapi tidak melebihi 5 tahun** di suatu jawatan yang diklasifikasikan sebagai jawatan sensitif;

- 3.2 Menukar pegawai yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya **3 tahun tetapi tidak melebihi 8 tahun di suatu jawatan yang diklasifikasikan sebagai jawatan bukan sensitif;**
- 3.3 Seseorang pegawai itu **boleh ditukarkan** sama ada atas arahan Ketua Jabatan ataupun atas permintaan pegawai itu sendiri yang dipersetujui oleh Ketua Jabatan berdasarkan kepentingan perkhidmatan **tanpa terikat dengan tempoh perkhidmatan yang dinyatakan di perenggan (i) dan (ii) di atas;** dan
- 3.4 **Tidak menggunakan pertukaran sebagai hukuman** kecuali pertukaran tersebut dapat membantu melicinkan proses tindakan tatatertib yang sedang diambil terhadap pegawai berkenaan.

#### **4. KRITERIA PERTUKARAN**

- 4.1 Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan permohonan pertukaran berdasarkan kriteria-kriteria berikut:
  - (i) Kepentingan perkhidmatan;
  - (ii) Tempoh perkhidmatan di jawatan sekarang;
  - (iii) Mengikut suami atau isteri;
  - (iv) Menjaga ibu bapa;
  - (v) Masalah kesihatan pegawai atau keluarga pegawai;
  - (vi) Kesulitan kewangan; dan
  - (vii) Tempat permohonan atau penempatan.

#### **5. ASAS PERTIMBANGAN**

- 5.1 Teguran oleh Bahagian Audit Dalam, JPM semasa Exit Conference Pengauditan Pengurusan Kewangan BPA yang telah diadakan pada 30 April 2014 menyarankan supaya Dasar Pusingan Kerja Warga BPA diwujudkan bagi memastikan pusingan kerja dapat dilaksanakan dengan lebih teratur, berkesan dan seragam.

- 5.2 BPA pernah mengguna pakai dasar pertukaran dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004 – Panduan Pertukaran Pegawai Awam semasa melaksanakan pusingan kerja melibatkan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 pada tahun 2013. (Keputusan Mesyuarat Mingguan Bil 3/2013 pada 18 Januari 2013 adalah dirujuk).
- 5.3 Pertukaran dapat membantu *job enrichment* dan *job enlargement* dalam kalangan pegawai ke arah peningkatan produktiviti, menambah pengalaman dan pendedahan, memperluaskan *networking*, mengelak kebosanan atau rutin serta dapat mencegah perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah laku.

## 6. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENYELIA

- 6.1 Setiap permohonan pertukaran pegawai hanya disokong setelah pegawai berkhidmat **selama tiga (3) tahun** dimana-mana Bahagian melainkan mempunyai alasan munasabah; dan
- 6.2 Pegawai Penyelia perlu mengemukakan permohonan pertukaran pegawai yang telah disokong kepada Unit Sumber Manusia dan Integriti untuk tujuan kelulusan Pihak Pengurusan Tertinggi

## 7. PEMATUHAN ARAHAN PERTUKARAN

- 7.1 Mematuhi arahan pertukaran yang dikeluarkan dan pegawai yang ingkar boleh dikenakan **tindakan tatatertib**;
- 7.2 Menyediakan **Nota Serah Tugas** bagi memastikan kerja-kerja akhir pegawai diambilalih oleh pegawai pengganti; dan
- 7.3 Memastikan aset jabatan yang diperuntukkan ke atas jawatannya dikembalikan.

## **8. TARIKH KUATKUASA**

8.1 Dasar dan garis panduan ini berkuatkuasa mulai **Mei 2014**.

KETUA PENGARAH BPA

05 Mei 2014